PARLIMEN-INDUSTRI

1983

KUALA LUMPUR, 27 (BERNAMA) -- PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) AKAN MELAKSANAKAN LIMA LAGI PROJEK UTAMA, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR) BERKATA PROJEK-PROJEK TERSEBUT ADALAH DALAM PERINGKAT AWAL PERLAK-SANAANNYA.

PROJEK TERSEBUT IALAH PROJEK INJIN KECIL, KILANG ALUMINIUM DIE-CASTING, KILANG PALPA DAN KERTAS, KOMPLEK KEJURUTERAAN DAN PROJEK COLD ROLL.

PADA MASA INI HICOM SEDANG MELAKSANAKAN TIGA PROJEK BESAR IAITU PROJEK KILANG SIMEN DI PULAU LANGKAWI YANG DIJANGKA MEMULAKAN PENGELUARAN DALAM BULAN SEPTEMBER 1984, PROJEK PENGELUARAN BESI BERONGGA DAN BILLET KELULI YANG DIJADUALKAN PENGELUARAN MULAI APRIL 1985 DAN PROJEK KERETA MALAYSIA YANG DIJADUALKAN MEMULAKAN PENGELUARAN PERTENGAHAN TAHUN 1985.

PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK-PROJEK INDUSTRI BERAT ADALAH DIKAJI DENGAN TELITI SEBELUM DILAKSANAKAN.

--LAGI 1557/AN

ZCZC B377

PARLIMEN-INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PROJEK YANG DILULUSKAN UNTUK DILAKSANAKAN ADALAH PROJEK YANG DIJANGKA BOLEH MEMBERI FAEDAH MAKSIMA KEPADA NEGARA SERTA NEGARA MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK MENJALANKAN PROJEK ITU DENGAN BERJAYA.

+DARI SEGI TAHAP PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DI NEGARA INI, MALAYSIA TELAH SAMPAI KEPADA SATU PERINGKAT DIMANA PROJEK-PROJEK INDUSTRI BERAT ADALAH PERLU DIBANGUNKAN UNTUK MEMPERKUKUHKAN LAGI ASAS PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN,+ TAMBAHNYA.

--BERNAMA 1558/AN